# PELAN STRATEGIK

PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

2024-2030

MALAYSIA MADANI KITASELANGOR

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif | 1 |
| Ringkasan Eksekutif | 2 |
| Kerangka Strategik PADAT 2024-2030 | 3 |
| Latar Belakang | 5 |
| Visi dan Misi | 7 |
| Carta Organisasi | 9 |
| Pihak Berkepentingan | 10 |
| Rakan Strategik | 11 |
| Pelanggan | 12 |
| Isu-Isu Strategik / Analisis Persekitaran | 13 |
| Cabaran 1 | 15 |
| Cabaran 2 | 16 |
| Cabaran 3 | 17 |
| Cabaran 4 | 18 |
| Cabaran 5 | 19 |
| Nilai Bersama | 20 |
| Strategik dan Formulasi Tindakan | 21 |
| Teras Strategik dan Strategi | 24 |
| Mekanisma Pemantauan | 33 |
| Tadbir Urus Pelan Strategik | 34 |
| Rantaian ke Hadapan | 35 |

# PERUTUSAN

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas kemudahan yang diberikan kepada PADAT untuk merangka dan merealisasikan penerbitan **Pelan Strategik PADAT 2024-2030**. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penghasilan dokumen rasmi yang akan menjadi panduan bagi setiap perancangan dan program yang akan dilaksanakan oleh PADAT dalam tempoh enam tahun (2025-2030). Pelan Strategik ini merupakan satu usaha berterusan oleh PADAT berkesinambungan daripada Pelan Strategik PADAT 2019-2023 yang telah ditambah baik dan dijajarkan selaras dengan agenda Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Pelan ini juga berperanan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dari PADAT dengan memfokuskan strategi utama terhadap pemantapan tadbir urus, pelestarian warisan dan pengukuhan muzium-muzium di Selangor. Bagi menjayakan pelan strategik ini saya menyeru kepada semua warga kerja PADAT agar dapat menghayati dan memberikan sokongan penuh sekaligus melaksanakan apa yang telah dirancang secara teratur, komited dan bersungguh-sungguh. Saya berharap agar sasaran yang telah ditetap bagi semua program dan tindakan dapat dicapai dan PADAT dapat bergerak menuju ke hala tuju yang ditetapkan.

**Aslynda binti Mohd Dahlan**

*Ketua Pegawai Eksekutif*

# RINGKASAN EKSEKUTIF

**Pelan Strategik PADAT 2024-2030** merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik 2019-2023 yang lalu. Dokumen ini merupakan sumber rujukan utama bagi hala tuju PADAT untuk menjadikan PADAT sebagai peneraju pengembangan khazanah budaya dan warisan Selangor dalam tempoh enam tahun. Pelan ini mensasarkan pemerkasaan warisan melalui pengurusan muzium dan pengembangan budaya Selangor.

Bagi merealisasikan visi dan misi yang telah digariskan, terdapat tiga teras strategik telah dikenal pasti.

**TERAS STRATEGIK 1**

*MEMARTABATKAN DAN MELESTARI WARISAN KE ARAH SELANGOR NEGERI BERIDENTITI*

**TERAS STRATEGIK 2**

*MEMANTAPKAN TADBIR URUS KE ARAH ORGANISASI YANG PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN INOVATIF*

**TERAS STRATEGIK 3**

*MEMPERKASA PENGURUSAN MUZIUM SECARA LEBIH EFISIEN*

# KERANGKA STRATEGIK PADAT 2024-2030

## VISI

**" PENERAJU PENGEMBANGAN KHAZANAH WARISAN SELANGOR MENJELANG 2030 "**

**MISI**

" MEMPERKASA WARISAN MELALUI PENYELIDIKAN DAN PERMUZIUMAN SECARA BERSEPADU KE ARAH PEMBANGUNAN MASYARAKAT BERBUDAYA "

**NILAI BERSAMA**

| P | A | D | A | T |
|---|---|---|---|---|
| PROFESIONAL | AKAUNTABILITI | DINAMIK | ADAB | TRANSFORMASI |

**BIDANG TUMPUAN**

| | | |
|---|---|---|
| PEMBUDAYAAN WARISAN | KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN | PROGRAM PENDIDIKAN |
| PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN | IMEJ KORPORAT DAN KOMUNIKASI | INFRASTUKTUR DAN PEMBANGUNAN MUZIUM |
| HALA TUJU PENGEMBANGAN WARISAN | MODAL INSAN | PENGURUSAN KOLEKSI |


**TERAS STRATEGIK**

| | | |
|---|---|---|
| MEMARTABATKAN DAN MELESTARI WARISAN KE ARAH SELANGOR NEGERI BERIDENTITI | MEMANTAPKAN TADBIR URUS KE ARAH ORGANISASI YANG PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN INOVATIF | MEMPERKASA PENGURUSAN MUZIUM SECARA LEBIH EFISYEN |



***Gendang Dua Muka,***
*salah satu alat muzik Cempuling*

# LATAR BELAKANG PADAT




1990
Lembaga Muzium Selangor mengambil alih pengurusan Muzium Timah (Gedung Raja Abdullah).
2006
Pembukaan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor dan Muzium Pertanian dan Perikanan Sabak Bernam.
2007
Pembukaan Muzium Permainan Tradisional di Bukit Malawati.
2009
Lembaga Muzium Selangor telah dinaik taraf menjadi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).
2010
PADAT mengambil alih pengurusan Istana Bandar di Banting.
2012
Pembukaan Muzium Insitu Jugra yang merupakan bekas Balai Polis Lama Jugra.

## VISI

*“ PENERAJU PENGEMBANGAN KHAZANAH WARISAN NEGERI SELANGOR MENJELANG 2030 ”*


## MISI

*“ MEMPERKASA WARISAN MELALUI PENYELIDIKAN DAN PERMUZIUMAN SECARA BERSEPADU KE ARAH PEMBANGUNAN MASYARAKAT BERBUDAYA ”*



***Telepuk**, seni menekap perada emas ke permukaan kain*

# CARTA ORGANISASI



# PIHAK BERKEPENTINGAN

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

YAB Dato' Menteri Besar Selangor

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YB Penasihat Undang-undang Negeri

YB Pegawai Kewangan Negeri

YB Ahli Dewan Negeri

Pengerusi dan Ahli Lembaga PADAT

Ahli Dewan Diraja Selangor

Orang-Orang Besar Daerah

dan pihak-pihak lain yang berkepentingan

# RAKAN STRATEGIK

Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan / Negeri

Badan-Badan Berkanun Persekutuan / Negeri

Muzium-muzium Negeri, Persekutuan, Swasta dan Luar Negara

Anak Syarikat Kerajaan Persekutuan / Negeri

Institut Pengajian Tinggi (dalam dan luar negara)

Media (elektronik, cetak dan sosial)

Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Agensi Swasta

ICOM Malaysia

Badan-badan Pertubuhan Kerajaan dan Bukan Kerajaan

dan lain-lain pihak yang berkepentingan

# PELANGGAN

Orang Awam / Pelawat

Pelancong Tempatan dan Luar Negara

Pelajar Sekolah / IPT

Penyelidik

Aktivis Seni / Budayawan/ Karyawan / Seniman

Pempengaruh

# ISU-ISU STRATEGIK / ANALISIS PERSEKITARAN





***Nasi Ambeng**, makanan warisan Selangor*

# CABARAN 1

*Pembangunan Kapasiti Organisasi, Kepimpinan dan Kerjasama Antara Warga PADAT*

i *Mengekang budaya bekerja secara silo dan mempertingkatkan kebersamaan antara kakitangan.*

ii *Memperkukuh kapasiti organisasi, keseimbangan bebas tugas antara kakitangan dan struktur organisasi yang sesuai serta relevan.*

iii *Membangunkan sumber manusia yang produktif, berkemahiran dan kompeten melalui program-program pembangunan dan latihan yang dirancang dan dilaksanakan berasaskan keperluan yang sistematik dan komprehensif.*

# CABARAN 2

*Imej dan Reputasi*

i *Meningkatkan kefahaman pelanggan dan masyarakat mengenai fungsi dan peranan PADAT.*

ii *Memperkasa imej dan reputasi PADAT pada pandangan masyarakat, pelanggan dan pemegang taruh.*

iii *Memperbaiki dan memantapkan kaedah penyampaian perkhidmatan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.*

# CABARAN 3

*Ekspektasi Tinggi daripada Pemegang Taruh*

i. *Memperkaya aktiviti dan program bagi memenuhi kehendak pelanggan.*

ii. *Mendaya upayakan muzium sebagai produk pelancongan dan pusat rujukan serantau.*

iii. *Mengadaptasi dasar pengurusan jabatan sejajar dengan polisi kerajaan.*

# CABARAN 4

*Kewangan yang Terhad*

i *Memperluas dan mempertingkat sumber hasil jabatan.*

ii *Merancang sumber kewangan secara mampan.*

iii *Memfokus penganjuran program mengikut perancangan tahunan.*

# CABARAN 5

*Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi*

i *Meningkatkan kadar literasi IT kakitangan.*

ii *Mengadaptasi penggunaan teknologi dan kaedah terkini dalam persembahan pameran dan perkhidmatan.*

iii *Menyebar luas penggunaan teknologi dalam transformasi perkhidmatan jabatan.*

# NILAI BERSAMA

### PROFESIONAL

*Menyedia dan mengekal modal insan yang berprestasi tinggi, dalam usaha melahirkan kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan secara profesional, dan beretika tinggi bagi merealisasikan aspirasi serta wawasan jabatan dan kerajaan negeri.*

### TRANSFORMASI

*Melahirkan modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif bagi menggerakkan agenda transformasi PADAT dengan berkesan.*




### ADAB

*Memantapkan keperibadian kakitangan agar mempunyai nilai-nilai murni dan etika perkhidmatan.*


### AKAUNTABILITI

*Melaksanakan amanah yang diberikan dengan jujur dan saksama, berkhidmat dengan penuh komited dan berintegriti.*

### DINAMIK

*Membentuk kakitangan yang beradaptasi mengikut keperluan, keadaan dan persekitaran semasa sambil mengekalkan asas yang kukuh untuk membina keharmonian dalam jabatan.*

# STRATEGIK DAN FORMULASI TINDAKAN




3
TERAS STRATEGIK
9
STRATEGI
27
PROGRAM



***Wau Kapal**, wau rasmi negeri Selangor*

# TERAS STRATEGIK DAN STRATEGI

## TERAS STRATEGIK 1 :
MEMARTABATKAN DAN MELESTARI WARISAN KE ARAH SELANGOR NEGERI BERIDENTITI

| | |
|---|---|
| **STRATEGI 1** | *Memantapkan hala tuju pembangunan dan pengembangan warisan.* |
| **STRATEGI 2** | *Memperkasakan penyelidikan dan penerbitan warisan berkualiti.* |
| **STRATEGI 3** | *Membudayakan warisan Selangor secara holistik.* |

## TERAS STRATEGIK 2 :
MEMANTAPKAN TADBIR URUS
KE ARAH ORGANISASI YANG PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN INOVATIF

| | |
|---|---|
| **STRATEGI 1** | *Meningkatkan kompetensi modal insan warga PADAT.* |
| **STRATEGI 2** | *Mempertingkatkan imej korporat dan memperkasakan jaringan komunikasi strategik.* |
| **STRATEGI 3** | *Pemantapan pengurusan kewangan dan pembangunan.* |

## TERAS STRATEGIK 3 :
MEMPERKASA PENGURUSAN MUZIUM SECARA LEBIH EFISIEN

| | |
|---|---|
| **STRATEGI 1** | *Memantapkan pengurusan koleksi secara sistematik dan efisien.* |
| **STRATEGI 2** | *Memperkukuhkan muzium, infrastruktur dan pembangunan muzium secara mampan.* |
| **STRATEGI 3** | *Menyemarakkan kelangsungan warisan budaya melalui pendidikan.* |

## TERAS STRATEGIK 1 MEMARTABATKAN DAN MELESTARI WARISAN KE ARAH SELANGOR NEGERI BERIDENTITI

| Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung-jawab |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 1 : Memantapkan hala tuju pembangunan dan pengembangan warisan** | | | | | |
| **1. Penyediaan Pelan Pembangunan Kraftangan Negeri Selangor** | Satu (1) pelan | 2030 | Peningkatan jumlah produk kraftangan Selangor. | 2030 | BBP |
| **2. Pemurnian enakmen PADAT** | Bilangan penambahbaikan | 2030 | Peningkatan keberkesanan proses pewartaan. | 2030 | BKP |
| **3. Penyediaan Pelan Pembangunan Muzium** | Satu (1) pelan | 2030 | Pelaksanaan pelan pembangunan muzium yang sistematik dan berfasa bagi memperkukuh infrastruktur, kandungan pameran dan pengalaman pelawat. | 2030 | BPW |
| **STRATEGI 2 : Memperkasa penyelidikan dan penerbitan warisan berkualiti** | | | | | |
| **1. Penyelidikan sejarah dan warisan Selangor** | | | | | |
| i. Penyelidikan sejarah | Satu (1) kajian dan laporan. Satu (1) bahan penerbitan / perkongsian ilmu | 2030 | Memperkukuh dokumentasi dan pemahaman sejarah Selangor sebagai rujukan rasmi dalam pembangunan pameran, pendidikan dan dasar warisan. | 2030 | BPM |
| ii. Penyelidikan gastronomi | Satu (1) kajian dan laporan. Satu (1) bahan penerbitan / perkongsian ilmu/ satu (1) pewartaan | 2030 | Warisan gastronomi Selangor dikenal pasti, didokumentasi dan diperkasakan sebagai identiti budaya dan produk pelancongan negeri. | 2030 | BPM |

| Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung -jawab |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 2 : Memperkasa penyelidikan dan penerbitan warisan berkualiti** | | | | | |
| iii. Penyelidikan adat Melayu | Satu (1) kajian dan laporan. Satu (1) bahan penerbitan atau perkongsian ilmu | 2030 | Warisan tidak ketara Selangor diperlihara dan menjadi rujukan untuk tujuan pendidikan, pameran dan pemeliharaan budaya. | 2030 | BPM |
| iv. Penyelidikan alam semula jadi | Satu (1) kajian dan laporan. Satu (1) bahan penerbitan atau perkongsian ilmu | 2030 | Pengetahuan tentang warisan alam semula jadi Selangor diperkukuh dan dimanfaatkan untuk pendidikan awam serta kesedaran pemuliharaan. | 2030 | BPM |
| **2. Konservasi monumen dan tapak sejarah** | Satu (1) tapak setahun | 2030 | Bilangan tapak terpelihara. | 2030 | BPM |
| | Satu (1) tapak dalam tempoh dua (2) tahun | 2030 | Bilangan permohonan pewartaan. | 2030 | BPM |
| **3. Mewujudkan zon bersejarah di Selangor** | Satu (1) zon dalam tempoh lima (5) tahun. | 2030 | Bilangan pewartaan yang diluluskan (negeri (1) / kebangsaan / UNESCO. | 2030 | BPM |

## TERAS STRATEGIK 1 MEMARTABATKAN DAN MELESTARI WARISAN KE ARAH SELANGOR NEGERI BERIDENTITI

| Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung-jawab |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 3 : Membudayakan warisan Selangor secara holistik** | | | | | |
| **1. Program pengembangan adat Melayu, budaya dan warisan Selangor**<br>• Cempuling<br>• Telepuk<br>• Kebaya Selangor<br>• Wau Kapal<br>• Kelingkan<br>• Gastronomi<br>• Batik Selangor | Dua (2) program setahun | 2030 | Peningkatan keterlibatan dan kehadiran pengunjung / peserta dan masyarakat. | 2030 | BBP |
| **2. Program libat urus bersama penggiat budaya dan warisan**<br>• Cempuling<br>• Telepuk<br>• Kebaya Selangor<br>• Wau Kapal<br>• Kelingkan<br>• Gastronomi<br>• Batik Selangor | Satu (1) program setahun | 2030 | Peningkatan jumlah penggiat kebudayaan dan warisan di Selangor. | 2028 | BBP, BPM |
| **3. Jalinan hubungan kerjasama PADAT dan agensi luar** | Bilangan kerjasama | 2030 | Meningkatkan hubungan kerjasama dengan jabatan / agensi luar. | 2030 | BKP |

# TERAS STRATEGIK 2 MEMANTAPKAN TADBIR URUS KE ARAH ORGANISASI YANG PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN INOVATIF

| Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung-jawab |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 1 : Meningkatkan kompetensi modal insan warga PADAT** | | | | | |
| **1. Transformasi struktur organisasi ke arah kecekapan operasi** | Satu (1) kajian semakan semula struktur / perjawatan organisasi | 2030 | Satu (1) kajian perjawatan. | 2030 | BKP |
| **2. Pemantapan dan pengukuhan nilai Integriti dan akauntabiliti warga PADAT melalui Pelan Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*)** | Satu (1) pelan | 2030 | Menyelesaikan kes dengan lebih teratur dan mengurangkan kes integriti. | 2030 | |
| **3. Pembangunan Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan bagi Pemantapan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** | Satu (1) pelan | 2030 | Peningkatan kesedaran dan pematuhan terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), dibuktikan melalui penurunan bilangan kes kemalangan di tempat kerja. | 2030 | |
| **4. Pensijilan** | | | | | |
| i. APPC | 5 bintang | 2024 | Mendapat penarafan 5 bintang. | 2028 | |
| ii. Pensijilan MS ISO | Satu (1) sijil | 2024 | Mendapat pensijilan baharu MS ISO 9001:2015. | 2028 | |

## TERAS STRATEGIK 2 MEMANTAPKAN TADBIR URUS KE ARAH ORGANISASI YANG PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN INOVATIF

| | Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung-jawab |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 2 : Mempertingkatkan imej korporat dan memperkasakan jaringan komunikasi strategik** | | | | | | |
| **1.** | **Program libat urus media dan rakan pelancongan** | Dua (2) program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BKP dan BPW |
| **2.** | **Jerayawara promosi muzium dan perkhidmatan PADAT.** | 10 program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BKP, BPW |
| **STRATEGI 3 : Pemantapan pengurusan kewangan dan pembangunan** | | | | | | |
| **1.** | **Penjanaan pendapatan melalui sumber baharu** | | | | | |
| i. | Penstrukturan tiket masuk muzium | Dua (2) penstrukturan | 2030 | Peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 10% setahun | 2030 | BKP dan BPW |
| ii. | Pemerkasaan saluran jualan (produk dan tiket) secara dalam talian | Dua (2) saluran jualan | 2030 | Peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 10% setahun | 2030 | BKP |
| iii. | Mempelbagaikan sumber sewaan | Dua (2) sumber sewaan | 2030 | Peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 10% setahun | 2030 | BKP dan BPW |
| **2.** | **Pembangunan teknologi maklumat** | | | | | |
| i. | Menaik taraf portal rasmi PADAT | Satu (1) naik taraf portal | 2030 | Peningkatan peratus pelawat portal rasmi | 2030 | BKP |
| ii. | Pembangunan Sistem Pengurusan Kewangan | Satu (1) sistem | 2030 | Memperolehi sijil SAGA | 2030 | BKP |
| iii. | Pembangunan Sistem Pengurusan Media Digital | Satu (1) sistem | 2030 | Peningkatan tahap kepuasan pelanggan. | 2030 | BKP |

## TERAS STRATEGIK 3 MEMPERKASA PENGURUSAN MUZIUM SECARA LEBIH EFISIEN

| Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung-jawab |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 1 : Memantapkan pengurusan koleksi secara sistematik dan efisien** | | | | | |
| **1. Perolehan koleksi / artifak melalui enam (6) kaedah** | 20 unit setahun | 2028 | Peningkatan jumlah koleksi | 2028 | BKKP |
| **2. Merekod dan menyelenggara data inventori koleksi dengan betul dan lengkap** | 200 unit setahun | 2028 | Peningkatan jumlah koleksi yang telah dikemas kini | 2028 | BKKP |
| **3. Konservasi artifak bagi koleksi pameran di muzium-muzium.** | 100 unit setahun | 2028 | Peningkatan 10% setahun jumlah koleksi yang dirawat | 2028 | BKKP |
| **STRATEGI 2 : Memperkukuhkan muzium, infrastuktur dan pembangunan muzium secara mampan** | | | | | |
| **1. Penubuhan Muzium Setem** | Satu (1) muzium | 2025 | Peratus pelaksanaan projek fizikal | 2030 | BBP |
| | | 2030 | Peratus pengisian muzium | 2030 | |
| **2. Penubuhan Muzium Tekstil** | Satu (1) muzium | 2030 | Peratus pelaksanaan projek fizikal | 2030 | BKP |
| | | | Peratus pengisian muzium | | |
| **3. *Smart Exhibition Mobile*** | Satu (1) penambahbaikan | 2030 | Peningkatan tahap kepuasan pelanggan | 2030 | BKKP |
| **4. Siri pameran khas / tematik di muzium** | Satu (1) pameran | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BPW |

## TERAS STRATEGIK 3 MEMPERKASA PENGURUSAN MUZIUM SECARA LEBIH EFISIEN

| Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung-jawab |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 3 : Menyemarakkan kelangsungan warisan budaya melalui pendidikan** | | | | | |
| 1. **Program Jalinan Warisan** | | | | | |
| i. Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium | Dua (2) program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BBP |
| ii. Bermalam di Muzium | Satu (1) program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BBP |
| iii. Program khas cuti sekolah | Empat (4) program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BPW |
| iv. Pakej lawatan berpandu MSAS | Dua (2) pakej dibangunkan | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BKP |
| v. Program-program promosi dan pendidikan | Satu (1) program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | Semua Bahagian |


| Program | Sasaran Output | | Sasaran Outcome | | Bahagian Bertanggung -jawab |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Tahun | Bil. / Peratusan | Tahun | |
| **STRATEGI 3 : Menyemarakkan kelangsungan warisan budaya melalui pendidikan** | | | | | |
| **2. Program Warisan dan Komuniti** | | | | | |
| i. Syoknya Gamelan | Satu (1) program setahun | 2030 | Peningkatan kesedaran awam dan pengetahuan masyarakat mengenai warisan dan sejarah | 2030 | BBP |
| ii. Langkah Gemalai- Asas Tarian Rampaian | Satu (1) program setahun | 2030 | Peningkatan kesedaran awam dan pengetahuan masyarakat mengenai warisan dan sejarah | 2030 | BBP |
| iii. *Yok Cempulingan* | Satu (1) program setahun | 2030 | Peningkatan kesedaran awam dan pengetahuan masyarakat mengenai warisan dan sejarah | 2030 | BBP |
| **3. Program jangkauan luar dan jangkauan dalam** | | | | | |
| i. Hari Muzium Antarabangsa peringkat negeri Selangor | Satu (1) program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BPW |
| ii. Muzium ke Sekolah | Satu (1) program setahun | 2030 | Kehadiran pelawat tahunan muzium mencapai minimum 250,000 orang. | 2030 | BBP |

***PETUNJUK :***

- ***BKP*** *Bahagian Khidmat Pengurusan*
- ***BPW*** *Bahagian Permuziuman dan Warisan*
- ***BKKP*** *Bahagian Pengurusan Koleksi, Konservasi dan Pameran*
- ***BPM*** *Bahagian Penyelidikan dan Monumen*
- ***BBP*** *Bahagian Kebudayaan dan Pendidikan*

# TADBIR URUS PELAN STRATEGIK

## JAWATANKUASA PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK



# RANTAIAN KE HADAPAN

Berdasarkan perancangan yang telah digariskan dalam dokumen Pelan Strategik ini, PADAT komited untuk terus menjadi sebuah badan berkanun yang proaktif dan profesional dalam memastikan kelestarian dan pengembangan warisan, budaya dan sejarah Selangor.

PADAT akan memastikan bahawa program yang telah dirancang akan dilaksanakan sejajar dengan tempoh masa yang telah digariskan. Jalinan kerjasama strategik dan permuafakatan mantap yang telah dipupuk selama ini antara PADAT dan pelbagai pihak akan terus diperkasakan agar visi dan misi PADAT dapat dicapai.



www.padat.gov.my PadatSelangor Padat TV